

28 ladang ayam ditutup

ALOR GAJAH 7 Mac - Sebanyak 28 daripada 3,351 ladang ternakan ayam di seluruh negara diarahkan tutup berikutan pelbagai masalah seperti bau busuk, ancaman lalat dan mencemar alam sekitar.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Chua Tee Yong berkata, semua ladang ternakan itu sudah ditutup pada tahun lalu berdasarkan laporan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Menurut beliau, mengikut Enakmen Kawalan dan Pelesenan Unggas 1997, semua ladang berkenaan disenaraikan dalam kategori E dan perlu ditutup kerana gagal memenuhi beberapa syarat.

"Antara aduan yang paling banyak diterima oleh pihak kementerian adalah masalah alam sekitar termasuk bau busuk dan menjadi tempat pembiakan lalat."

"Secara keseluruhannya, sebanyak 28 ladang ternakan ayam daripada 3,351 di seluruh negara sudah diarahkan tutup pada tahun lalu kerana tidak dapat mengawal pencemaran, aduan orang ramai serta berhampiran rumah penduduk," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Pemindahan Teknologi Industri Ternakan di Institut Teknologi Unggas di Ramuan Cina Besar, Masjid Tanah, dekat sini kelmarin.

Seminar anjuran JPV bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARIDI) itu dihadiri kira-kira 50 peserta terdiri daripada penternak dan pihak berkuasa tempatan.

Ia bertujuan menyebarkan maklumat mengenai produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan dan meningkatkan keberkesanan pengurusan ladang ternakan melalui aplikasi teknologi yang bersesuaian.

Terdahulu, Tee Yong dalam ucapannya berkata, kedua-dua pihak iaitu penternak ayam dan JPV diharap dapat menjalin hubungan baik antara satu sama lain yang dilihat dapat menyelesaikan masalah yang timbul selama ini.